



Tinjauan Awal Keberkesanan Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPI) Kepada Pemohon Perkahwinan Bawah Umur: Analisis Aspek Hifz Al-Nafs

Undang-Undang Keluarga Islam

A Preliminary Study on the Effectiveness of the Integrated Islamic Pre-Marriage Course for Underage Marriage Applicants: An Analysis of the Hifz al-Nafs Aspect

69

Submitted: 25 September 2024
Revised: 22 October 2024
Accepted: 30 October 2024
E-Published: 31 October 2024

NURUL AIN HAZRAM
(Corresponding Author)
NUR AINA ABDULAH
MASHITAH ABDUL MUTALIB
NUR AL-FARHAIN KAMARUZAMAN
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
ainhazram@usim.edu.my
nuraina.abdulah@usim.edu.my
mashitahmutalib@usim.edu.my
farhain@usim.edu.my

ABSTRAK

Perkahwinan melibatkan kanak-kanak merupakan satu perkara yang bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di serata dunia. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat pelbagai kesan negatif perkahwinan kanak-kanak dari aspek psikologi dan kesihatan. Malah, kanak-kanak yang berkahwin juga menghadapi cabaran bukan sahaja dari sudut psikologi dan kesihatan fizikal, malah cabaran penyesuaian diri dalam rumahtangga dan kebarangkalian untuk perceraian juga adalah tinggi. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi membendung perkahwinan kanak-kanak supaya kemudaratan yang disebabkan oleh perkahwinan tersebut dapat dielakkan. Hasil daripada usaha yang telah dijalankan, didapati penurunan di dalam statistik yang melibatkan perkahwinan kanak-kanak. Namun begitu, perkahwinan ini masih berlaku kerana undang-undang sedia ada hakikatnya tidak dapat menghalang perkahwinan bawah umur secara mutlak. Di Malaysia, mereka yang ingin berkahwin adalah diwajibkan menduduki Kursus Pra-perkahwinan Islam yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai hak-hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan. Namun begitu, kandungan kursus dan cara perlaksanaannya adalah bersifat umum kepada semua lapisan masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kesesuaian Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam terhadap pemohon perkahwinan bawah umur dan sejauh mana aspek





penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dalam modul ini dapat membantu kanak-kanak dalam menolak kemudaratan yang mungkin berlaku dalam perkahwinan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur khususnya di Malaysia, dan Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam (MBPKI). Artikel ini menyimpulkan bahawa Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam yang sedia ada menekankan aspek penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan bersesuaian dengan pemohon perkahwinan bawah umur. Namun begitu, adalah dicadangkan agar diteliti cara pelaksanaan dan penyampaian kursus pra-perkahwinan Islam terhadap kanak-kanak agar kursus yang disampaikan adalah berkesan dan dapat membantu dalam menolak kemudaratan terhadap kanak-kanak yang terlibat dalam perkahwinan tersebut.

Kata kunci: *Hifz al-Nafs*, Perkahwinan Bawah Umur, Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam, Mafsadah, Undang-Undang Keluarga Islam

ABSTRACT

Child marriage is not only an issue in Malaysia but occurs worldwide. Numerous studies have shown the negative effects of child marriage, particularly in terms of psychological and health impacts. Children who marry face challenges not only from a psychological and physical health perspective but also in terms of adjusting to marital life, with a higher probability of divorce. Various efforts have been made to curb child marriage to mitigate the harm associated with it. As a result of these efforts, there has been a decline in the statistics related to child marriage. However, such marriages still occur, as existing laws do not entirely prevent underage marriages. In Malaysia, individuals who wish to marry must attend an Islamic Pre-Marriage Course, which aims to educate them about their rights and responsibilities in marriage. However, the content of the course and its delivery are designed for the public and do not specifically address the unique needs of underage marriage applicants. This article aims to analyze the suitability of the Integrated Islamic Pre-Marriage Course Module for underage marriage applicants and to what extent the aspect of preserving life (*hifz al-nafs*) within the module can help protect children from the potential harm of marriage. This study employs document analysis by reviewing previous research on child marriage, particularly in Malaysia, and analyzing the Integrated Islamic Pre-Marriage Course Module (MBKPI) content. The article concludes that the existing module does emphasize the preservation of *hifz al-nafs* and is generally suitable for underage marriage applicants. However, it is recommended that the implementation and delivery methods of the Islamic pre-marriage course be tailored to better cater to children. This will ensure that the course is effective and can help mitigate the harm associated with child marriage.

Keywords: *Hifz al-Nafs*, Child Marriage, Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam, Mafsadah, Islamic Family Law



PENGENALAN

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak dan remaja mempunyai keinginan dan tertarik kepada jantina berlawanan seawal berusia belasan tahun disebabkan oleh perkembangan umur dan perubahan hormon mereka (Che Anuar, 2018). Keinginan ini hakikatnya merupakan satu fitrah yang diciptakan oleh Allah kepada manusia sebagai salah satu cara kelangsungan manusia di muka bumi ini. Namun begitu, sekiranya fitrah ini tidak dikawal selia dengan baik terutamanya oleh remaja, maka ianya akan menimbulkan masalah sosial di dalam masyarakat seterusnya akan menyebabkan pelbagai mafsadah di atas muka bumi ini (Uswatun Hasanah, 2018). Tidak dapat dinafikan bahawa seiring dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi, terdapat banyak masalah sosial yang timbul di kalangan remaja. Dalam satu kajian yang dijalankan, antara faktor berlakunya masalah sosial adalah disebabkan oleh faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan juga pengaruh rakan sebaya (Absha Atiah, 2019). Antara masalah sosial yang kerap berlaku di kalangan remaja adalah seperti pornografi, aktiviti seks bebas, mencabul kehormatan, rogol, dan penyalahgunaan dadah (Mohd Dahlan, 2010).

Secara tidak langsung, masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja boleh menjadi faktor kepada berlakunya perkahwinan bawah umur. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia, perkahwinan bawah umur bagi masyarakat Muslim adalah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun bagi lelaki, dan di bawah 16 tahun bagi perempuan, manakala perkahwinan bawah umur bagi masyarakat bukan Muslim adalah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang berusia 18 tahun dan ke bawah bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan (Hazram, N.A, 2024).

Dalam satu kajian yang dijalankan, didapati bahawa antara faktor perkahwinan bawah umur berlaku adalah disebabkan oleh masalah sosial di kalangan remaja seperti seks bebas dan juga kehamilan di luar perkahwinan di kalangan remaja (Uswatun Hasanah, 2018). Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), seramai 1856 orang kanak-kanak di seluruh Malaysia telah berkahwin pada tahun 2018, yang mana sejumlah 1542 daripadanya adalah kanak-kanak yang beragama Islam (UNICEF Malaysia, 2022). UNICEF, (2022) juga melaporkan bahawa daripada keseluruhan kanak-kanak yang dilaporkan telah berkahwin pada tahun 2018, sebanyak 63 peratus daripadanya adalah remaja yang telah hamil. Data ini secara tidak langsung menunjukkan kaitan antara kehamilan dan juga perkahwinan awal kanak-kanak.

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh UNICEF (2022), kebanyakan perkahwinan awal kanak-kanak hanya mengakibatkan kesan yang negatif terhadap kanak-kanak yang terlibat, antaranya ialah mereka berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan rumahtangga, selain daripada berisiko untuk menghadapi komplikasi kehamilan dan kelahiran. Secara umumnya, perkahwinan bawah umur dilihat sebagai satu perkara yang sepatutnya dihalang secara mutlak. Namun begitu, dari perspektif Syariah, sesuatu perkara yang harus secara asalnya, tidak boleh dikategorikan sebagai



haram, melainkan terdapat bukti yang jelas menyatakan bahawa perkara tersebut adalah haram secara mutlak. Walaupun terdapat banyak kajian yang menyatakan mengenai kesan negatif perkahwinan awal kanak-kanak, namun begitu statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sebanyak 2288 kes perkahwinan bawah umur telah direkodkan pada tahun 2016, 2107 kes pada tahun 2017, 1856 kes pada tahun 2018, 1459 kes pada tahun 2019 dan sebanyak 1124 kes perkahwinan bawah umur pada tahun 2020. Statistik tersebut menunjukkan trend penurunan perkahwinan awal kanak-kanak.

Statistik di atas menunjukkan bahawa walaupun pelbagai cara telah dilakukan oleh pelbagai pihak dalam menangani masalah perkahwinan bawah umur di dalam masyarakat, perkahwinan ini masih lagi berlaku dan ianya tidak dapat dibanteras secara mutlak kerana hakikatnya di sisi syarak, perkahwinan kanak-kanak adalah perkara yang dibenarkan. Perkara yang dibenarkan di sisi syarak tidak boleh diharamkan melainkan padanya terdapat dalil yang jelas menyatakan pengharamannya. Selain itu, di sisi undang-undang pula, had umur minimum perkahwinan bukanlah membawa maksud perkahwinan melibatkan kanak-kanak adalah terhalang secara mutlak, namun perkahwinan tersebut adalah bergantung kepada kebenaran oleh pihak yang berautoriti. Disebabkan oleh perkahwinan melibatkan kanak-kanak tidak dapat dibanteras secara mutlak, dan kesan negatif perkahwinan terhadap kanak-kanak pula tidak dapat dinafikan, maka satu langkah perlu diambil bagi memastikan agar kesan negatif perkahwinan terhadap kanak-kanak yang terlibat dapat diminimumkan semampu mungkin.

Di Malaysia, adalah diwajibkan kepada semua pasangan yang ingin berkahwin agar mengikuti Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang dianjurkan di bawah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) sebagai persediaan menghadapi alam rumah tangga. Kewajipan ini juga tertakluk kepada pemohon perkahwinan bawah umur. Namun begitu, berdasarkan kepada kebimbangan terhadap kemudahan yang berkemungkinan berlaku di dalam perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak, menjadi persoalan, adakah kandungan Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang dianjurkan bersesuaian dengan pemohon bawah umur yang ingin berkahwin? Adakah kursus pra-perkahwinan sedia ada mampu memberi kefahaman kepada kanak-kanak yang ingin berkahwin mengenai hak-hak mereka di dalam perkahwinan, dan juga tindakan yang perlu diambil oleh mereka sekiranya perkahwinan tersebut mendatangkan kemudahan kepada mereka. Ini kerana, modul yang diguna pakai di dalam kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan adalah satu modul yang bersifat umum bagi semua lapisan masyarakat.

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai sejauh mana kandungan Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang sedia ada menekankan aspek penjagaan nyawa (*Hifz Nafs*) terhadap pemohon perkahwinan bawah umur. Aspek *Hifz Nafs* dipilih sebagai subjek perbincangan kerana berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan mengenai perkahwinan bawah umur, kebanyakannya mengatakan bahawa perkahwinan ini memberi kemudahan kepada kanak-kanak yang terlibat terhadap aspek kesihatan dan juga



membahayakan nyawa mereka. Artikel ini seterusnya akan membuat satu kesimpulan mengenai kesesuaian modul ini terhadap pemohon perkahwinan bawah umur.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen melalui kaedah analisis induktif dan deduktif. Analisis dimulakan dengan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur secara umum, dan secara khususnya yang berkaitan dengan kesan-kesan negatif perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak. Seterusnya, Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam versi terkini, iaitu versi 4 juga dianalisis bagi mengenal pasti adakah terdapat aspek penjagaan nyawa khusus terhadap kanak-kanak yang ingin berkahwin dalam kandungan modul tersebut. Selain itu, kitab-kita fiqh muktabar daripada pelbagai Mazhab juga telah dirujuk dalam memperolehi maklumat yang berkaitan dengan aspek penjagaan nyawa.

PERBINCANGAN

Dalam menjelaskan mengenai kesesuaian Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam dalam menjaga aspek *hifz al-nafs* pemohon perkahwinan bawah umur, perbincangan dimulakan dengan penjelasan mengenai perkahwinan bawah umur secara umum dan kesan negatif perkahwinan tersebut kepada kanak-kanak. Perbincangan seterusnya tertumpu kepada realiti perkahwinan bawah umur di Malaysia dari aspek Undang-undang Keluarga Islam dan aspek penjagaan *hifz al-nafs* dalam modul bersepadu kursus pra-perkahwinan Islam yang ada. Perbincangan seterusnya diakhiri dengan analisis kesesuaian modul tersebut bagi pemohon perkahwinan bawah umur bagi membantu mereka dalam menghadapi kemungkinan kemudaratan yang berlaku dalam perkahwinan tersebut.

Perkahwinan Bawah Umur dan Kesannya Terhadap Kanak-Kanak

Isu perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak bukanlah satu isu yang asing. Malah, isu ini kerap dibincangkan beberapa tahun kebelakangan ini oleh pelbagai pihak termasuklah para sarjana, ahli politik dan juga aktivis-aktivis kemanusiaan. Pelbagai kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur mendapat tempat di pelbagai negara-negara di dunia. Dalam satu kajian yang telah dijalankan, dalam tempoh 11 tahun bermula tahun 2000 sehingga 2011, dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 12% daripada wanita muda yang berusia di antara 20-24 tahun telah berkahwin sebelum mencecah usia 15 tahun, dan sebanyak 34% daripadanya telah berkahwin sebelum mencecah usia 18 tahun dengan peratusan tertinggi adalah di kawasan Asia Selatan dan Afrika sub-Sahara (Rachel Kidman, 2017).

Statistik yang dikeluarkan oleh UNICEF menunjukkan bahawa kadar perkahwinan kanak-kanak yang berlaku di seluruh dunia adalah tertinggi di kawasan Afrika Barat dan Afrika Tengah, di mana hampir 4 daripada 10 kanak wanita muda berkahwin pada usia sebelum 18 tahun, manakala kadar terendah adalah di kawasan Afrika



Timur dan Afrika Selatan (32%), Asia Selatan (28%) dan Amerika Latin serta Carribean yang mencatatkan sebanyak 21 peratus (UNICEF, 2022). Dapatan yang sama juga menunjukkan bahawa perkahwinan kanak-kanak bukan sahaja melibatkan kanak-kanak perempuan sahaja, malah kanak-kanak lelaki juga terlibat dengan perkahwinan ini. Sebanyak 115 juta kanak-kanak lelaki daripada seluruh dunia telah berkahwin sebelum mencecah usia 18 tahun (UNICEF, 2022). Malaysia juga tidak terkecuali apabila pada tahun 2018, statistik yang dikeluarkan oleh UNICEF menunjukkan bahawa sebanyak 1856 kanak-kanak di Malaysia tanpa mengira kaum dan agama telah terlibat dalam perkahwinan bawah umur. Namun di Malaysia, kebanyakan yang terlibat dengan perkahwinan ini adalah terdiri daripada kanak-kanak perempuan (Aziah Awal et al, 2018). Data-data ini jelas menunjukkan bahawa perkahwinan kanak-kanak bukanlah masalah setempat dan berlaku di Malaysia sahaja, malah ianya merupakan masalah global.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan bawah umur, antaranya ialah masalah ekonomi dan kesempitan hidup (Nor Jana Saim et al, 2018), amalan budaya setempat (Fucharia et al, 2018), kemunduran pembangunan dan pendidikan (Free Malaysia Today, 2018), dan masalah sosial seperti seks bebas dan kehamilan luar nikah (Uswatun Hasanah, 2018)(Kohno et al, 2019). Dalam satu kajian lain didapati bahawa antara sebab kebanyakan remaja terjebak dengan masalah sosial adalah disebabkan oleh kurangnya perhatian oleh ibu bapa kerana sibuk bekerja atau disebabkan oleh perpisahan antara ibu dan bapa kanak-kanak tersebut (Rasyid et al, 2018). Dalam satu kajian lain yang dijalankan, antara faktor berlakunya masalah sosial adalah disebabkan oleh faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan juga pengaruh rakan sebaya (Absha Atiah, 2019).

Perkahwinan bawah umur juga dilihat sebagai salah satu cara untuk mengelakkan perlakuan seks bebas di kalangan remaja (Uswatun Hasanah, 2018). Dalam satu kajian yang dijalankan di Kelantan mendapati bahawa, antara faktor perkahwinan bawah umur di kalangan remaja adalah disebabkan oleh pertimbangan agama (Kohno A et al, 2019). Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden yang berkahwin di bawah umur minimum perkahwinan menyedari perbuatan seks sebelum nikah merupakan perkara yang berdosa di sisi agama, selain bertujuan sebagai penyelesaian bagi masalah kehamilan di luar nikah. Dalam satu kajian lain yang telah dijalankan di Sarawak, antara faktor perkahwinan bawah umur adalah disebabkan oleh kehamilan luar nikah, namun kajian ini mendapati bahawa sebahagian daripada responden memilih untuk berkahwin bagi menutup aib kehamilan tersebut daripada menggugurkan kandungan kerana menyedari bahawa perbuatan tersebut adalah merbahaya dan juga berdosa (Kohno. A., et al, 2020). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada perkahwinan bawah umur di kalangan remaja, antaranya ialah disebabkan oleh masalah sosial seperti seks bebas dan juga kehamilan di kalangan remaja. Berdasarkan kepada sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur, kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa perkahwinan kanak-kanak mendatangkan kemudahan kepada mereka yang terlibat.



Perkahwinan bawah umur boleh membahayakan kesihatan dan nyawa kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan kerana secara lumrahnya apabila seseorang itu berkahwin, mereka secara tidak langsung akan menempuhi proses kehamilan dan juga kelahiran. Tambahan pula, usia remaja merupakan keadaan yang subur dari segi biologi, oleh itu kanak-kanak yang berkahwin pada waktu ini mempunyai risiko menghadapi proses kehamilan dan kelahiran yang berulang, sekaligus membahayakan nyawa mereka (Eucharía et al, 2018). Kajian juga menunjukkan bahawa mereka yang hamil di bawah usia 18 tahun berisiko mengalami pre-eklampsia ketika hamil (Sinrich, 2022). Pre-eklampsia merupakan satu keadaan serius di mana tekanan darah meningkat secara mendadak semasa kehamilan dan boleh menyebabkan kerosakan organ seperti buah pinggang dan hati. Pre-eklampsia bukan sahaja berbahaya kepada ibu muda, tetapi juga boleh membawa kepada komplikasi yang serius, termasuk kelahiran pramatang, gangguan pertumbuhan janin, serta risiko kepada nyawa ibu dan bayi. Kehamilan di usia kanak-kanak meningkatkan risiko ini kerana tubuh mereka belum cukup matang dalam menghadapi cabaran terutamanya dari segi fizikal ketika kehamilan. Cabaran tidak terhenti pada proses kelahiran, namun bersambung pula pada proses yang mencabar iaitu proses penyusuan bayi (Mangeli et al, 2017). Ini merupakan proses yang panjang dan membebankan untuk dihadapi oleh kanak-kanak.

Selain itu, kanak-kanak yang berkahwin awal juga berpotensi untuk mengalami masalah kesihatan samada fizikal mahupun emosi seperti mengalami kemurungan (Sultana et al, 2017), dan tekanan kerana dibebani tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu pada usia yang muda (Nour, 2006) (Eucharía et al, 2018). Perkahwinan hakikatnya merupakan satu tanggungjawab yang besar yang harus digalas oleh mereka yang berkahwin. Bebanan ini secara tidak langsung memberi tekanan yang besar kepada kanak-kanak kerana pada usia yang muda, mereka harus membiasakan diri dengan suasana, persekitaran dan tanggungjawab yang baru di samping terpaksa kehilangan zaman kanak-kanak yang berharga (Nour, 2006). Dalam satu kajian lain, dapatan menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan yang berkahwin awal berpotensi menjadi mangsa keganasan rumahtangga (Rachel Kidman, 2017). Ini adalah kerana pada kebiasaannya jurang umur antara kanak-kanak tersebut dan pasangannya adalah ketara dan mereka mudah dipengaruhi dan dieksploitasi oleh pasangan (Sultana, A.M., 2017).

Walaupun kebanyakan kajian membincangkan mengenai kesan negatif perkahwinan terhadap kanak-kanak, terdapat juga sebahagian kajian yang turut membincangkan mengenai kesan positif perkahwinan terhadap kanak-kanak. Dalam satu kajian yang telah dijalankan di kalangan remaja di Kuching, Sarawak mendapati bahawa perkahwinan bawah umur juga mendatangkan manfaat. Hasil kajian itu menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di Sarawak berpendapat bahawa perkahwinan usia muda membawa banyak manfaat antaranya dapat mengelakkan maksiat selain menjadikan mereka lebih berdikari, dapat memupuk sikap sabar, membina sikap tanggungjawab dan sentiasa positif (Jana Saim et al, 2013). Terdapat juga kajian yang menyatakan kesan positif perkahwinan remaja seperti dapat mengelakkan daripada berlakunya kehamilan luar nikah dan kelahiran anak tidak sah taraf (Stein J.S, 2013)



dan dapat memelihara maruah keluarga (Kohno A et. al, 2020). Selain itu, di sesetengah tempat di dunia menerima perkahwinan kanak-kanak dan menganggap ia sebagai budaya setempat dan kebanyakan keluarga mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia yang muda dengan tujuan untuk menjaga kesucian anak mereka (Sahwa, F.A., et al, 2023).

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas mengenai perkahwinan kanak-kanak, walaupun terdapat segelintir kajian yang membincangkan mengenai kesan positif perkahwinan kanak-kanak, namun terdapat lebih banyak kajian yang membincangkan mengenai kesan negatif perkahwinan ini. Malah, di Malaysia sendiri secara khususnya bertungkus lumus dan komited dalam memastikan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak dapat dibanteras sebaik mungkin agar kemudahan disebabkan perkahwinan tersebut dapat ditolak secara mutlak.

Perkahwinan Bawah Umur Di Malaysia

Di Malaysia terdapat beberapa undang-undang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak. Kanak-kanak yang beragama Islam adalah tertakluk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing, manakala kanak-kanak bukan Islam tertakluk kepada Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Di bawah peruntukan yang telah dinyatakan, bagi kanak-kanak Muslim di kebanyakan negeri, umur minimum perkahwinan adalah 18 bagi kanak-kanak lelaki, dan 16 bagi kanak-kanak perempuan. Manakala bagi negeri Selangor dan Kedah, umur minimum perkahwinan bagi kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah sama, iaitu 18 tahun. Had umur minimum yang diletakkan di bawah peruntukan ini tidaklah bermaksud bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah terhalang secara mutlak, bahkan bagi mereka yang ingin berkahwin di bawah umur minimum hendaklah membuat permohonan kepada Mahkamah Rendah Syariah di negeri masing-masing. Perkahwinan hanya boleh diteruskan apabila telah mendapat kebenaran daripada Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Bagi kanak-kanak bukan Islam pula, mereka adalah tertakluk kepada Seksyen 10, Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Di bawah peruntukan ini, umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak adalah 18 tahun. Namun begitu, bagi kanak-kanak perempuan yang telah genap berusia 16 tahun dan telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berautoriti, maka kanak-kanak tersebut dibenarkan untuk berkahwin di bawah umur minimum perkahwinan iaitu, 18 tahun. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa bagi kanak-kanak bukan Muslim, perkahwinan di bawah umur 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan adalah sama sekali tidak dibenarkan.

Berdasarkan kepada kedua-dua peruntukan yang telah dinyatakan, adalah difahami bahawa, bagi kanak-kanak Muslim, mereka masih boleh berkahwin di bawah umur minimum perkahwinan iaitu 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan, dengan syarat kebenaran diperolehi daripada pihak berautoriti. Berbeza dengan kanak-kanak bukan Muslim, mereka sama sekali tidak dibenarkan untuk berkahwin di



bawah umur 18 tahun bagi lelaki, dan 16 tahun bagi perempuan. Di sini, kita dapat simpulkan bahawa, Akta Pembaharuan Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 adalah lebih tegas dalam menghalang perkahwinan kanak-kanak.

Namun begitu, adalah perlu diingatkan bahawa, Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia hakikatnya adalah selari dengan hukum syarak. Dari perspektif Syariah, perkahwinan kanak-kanak adalah harus (Hazram, N.A, 2024). Walaupun begitu, perlu ditekankan di sini bahawa pandangan *fuqahā* ' yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak hakikatnya berada dalam daerah harus ataupun *mubāh*, dan bukannya sebagai satu galakan dan anjuran syarak. Oleh itu, perkara-perkara yang harus bukan selama-lamanya kekal sebagai harus, tetapi ia bergantung kepada sejauh mana amalan ini tidak membawa kepada kemudaratan. Namun jika ternyata amalan perkahwinan bawah umur ini membawa kepada kemudaratan, maka hukum perkahwinan bawah umur ini tidak lagi dihukumkan harus seperti yang dinyatakan oleh para *fuqahā* silam.

Secara realitinya terdapat perbezaan pada tafsiran antara umur kanak-kanak dari perspektif Islam dan juga undang-undang di Malaysia. Kanak-kanak dalam Islam adalah mereka yang belum mencapai umur baligh, namun kanak-kanak dari perspektif undang-undang adalah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Dari perspektif Syariah, perkahwinan kanak-kanak adalah perkahwinan mereka yang belum *baligh* (Nurul Ain & Raihanah, 2021). Namun begitu, dari segi undang-undang di Malaysia, perkahwinan kanak-kanak adalah perkahwinan mereka yang belum mencapai umur 18 tahun. Oleh itu, dari perspektif Syariah, seseorang yang berumur di bawah 18 tahun yang telah *baligh* dan berkahwin, hakikatnya bukanlah berada di dalam kategori kanak-kanak yang berkahwin, malah mereka adalah dikira sebagai mukallaf kerana telah mencapai umur *baligh*. Namun begitu, dari segi undang-undang mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dikategorikan sebagai kanak-kanak.

Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia, penetapan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan¹ dan tiada had umur tertentu yang secara mutlaknya menghalang perkahwinan kanak-kanak adalah selari dengan hukum syarak. Hakikatnya, perkahwinan kanak-kanak tidak boleh dihukumkan dengan haram, melainkan terdapat dalil yang jelas menghukumkan perkahwinan tersebut adalah haram. Maka, kebenaran perkahwinan kanak-kanak adalah bergantung kepada kebijaksanaan Hakim Mahkamah Syariah dalam mengenal pasti dan mempertimbangkan situasi pemohon samada perkahwinan yang akan berlangsung akan mendatangkan mafsadah kepada pemohon atau sebaliknya. Sekiranya dengan kebijaksanaan Hakim Syarie dapat mengenal pasti kemudaratan yang secara pastinya akan berlaku di dalam perkahwinan tersebut, maka perkahwinan itu boleh dikategorikan sebagai haram dan hendaklah dihalang. Sebagai contoh, perkahwinan

¹ Kecuali Selangor dan Kedah telah menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi kanak-kanak perempuan daripada 16 tahun kepada 18 tahun.



kanak-kanak perempuan dengan penagih dadah. Secara pastinya situasi ini akan mendatangkan kemudaratan kepada kanak-kanak tersebut.

Bagi memastikan kemaslahatan kanak-kanak yang terlibat dengan perkahwinan dapat dipelihara, penilaian dan kebenaran daripada mereka yang berautoriti adalah sangat baik dalam memastikan segala kemudaratan dapat ditolak. Walaupun secara asasnya perkahwinan bawah umur adalah harus, perlulah difahami bahawa keharusan kanak-kanak untuk berkahwin adalah tertakluk kepada *maşlahah*. Justeru, apabila tertolaknya *maşlahah*, seperti jika berlakunya mafsadah dalam perkahwinan tersebut, maka perkahwinan tersebut adalah tertolak di sisi syarak, dan pihak yang berautoriti perlulah mengambil tindakan bagi membatalkan (*fasakh*) perkahwinan tersebut.

Berdasarkan kepada penerangan di atas, jelas difahami bahawa perkahwinan bawah umur, khususnya bagi masyarakat Muslim hakikatnya tidak dapat ditolak secara mutlak. Adalah difahami bahawa antara sebab penolakan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah disebabkan oleh pelbagai kemudaratan yang mungkin terjadi kepada kanak-kanak yang terlibat. Kebimbangan pelbagai pihak terhadap isu ini adalah satu kebimbangan yang berasas. Ini kerana kebanyakan kajian yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur menekankan tentang kemudaratan yang mungkin berlaku terhadap kanak-kanak. Sekiranya perkahwinan ini tidak dapat dibanteras secara mutlak, adalah penting untuk mendidik masyarakat mengenai keburukan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak.

Selain itu, bagi masyarakat Muslim di Malaysia, adalah diwajibkan kepada mereka yang ingin berkahwin untuk mengikuti Modul Kursus Pra-Perkahwinan Islam yang dikendalikan di bawah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai hukum hakam dan cabaran berkaitan alam perkahwinan (Hashim, H., et al. 2020). Kewajipan menduduki kursus ini adalah kepada semua termasuklah kanak-kanak yang ingin melangsungkan perkahwinan. Modul ini merupakan satu modul yang bersifat umum kepada semua lapisan masyarakat. Dengan kebimbangan terhadap kemudaratan dalam perkahwinan bawah umur, adalah menjadi tanda tanya, adakah kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan ini bersesuaian dengan pemohon kanak-kanak yang ingin berkahwin?

Aspek Hifz Al-Nafs Dalam Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam

Di Malaysia adalah menjadi kewajipan kepada semua pasangan Muslim yang ingin berkahwin untuk mengikuti Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam (MBKPI) selama 2 hari dengan jumlah masa sebanyak 13 jam kursus sebagai salah satu usaha untuk memberi pendedahan mengenai cabaran alam perkahwinan selain bertujuan bagi mengurangkan masalah penceraian yang kerap berlaku di dalam masyarakat (Abdul Ghani, N.,2021). Modul ini merupakan satu silibus yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM dengan kewajipan perlaksanaannya terhadap negeri-negeri di Malaysia. Modul ini diguna pakai secara menyeluruh tanpa sedikit pun pindaan dari Jabatan Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia.



Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam (MBKPI) telah digubal oleh JAKIM pada tahun 1996 dan diwajibkan perlaksanaannya pada tahun 1997. Hingga kini, dari tahun 1996 terdapat penambahbaikan secara berkala terhadap modul yang diguna pakai ini (Abdul Ghani, N.,2021). Modul terkini adalah hasil penambahbaikan yang telah dilakukan pada tahun 2018 agar selari dengan situasi dan keadaan semasa. Dalam modul terkini ini, terdapat 10 tajuk yang akan dibincangkan secara berasingan. Kesemua 10 tajuk ini telah diperuntukkan masa dan sesi yang tertentu untuk penyampaian kepada peserta-peserta. Berikut adalah jadual tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam Versi 4:

Jadual 1: Senarai Tajuk-tajuk dalam Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam

Bil	Tajuk	Masa
1	Tasawwur Islam	90 Min
2	Perkahwinan	60 Min
3	Prosedur Perkahwinan	60 Min
4	Tanggungjawab Suami Isteri	90 Min
5	Komunikasi Suami Isteri	60 Min
6	Pengurusan Kewangan	60 Min
7	Pengurusan Kesihatan Keluarga	120 Min
8	Pengurusan Stress Dan Konflik	90 Min
9	Pembubaran Perkahwinan	90 Min
10	Majlis Akad Nikah Dan Walimatul Urus	60 Min

Jadual 1 menunjukkan pembahagian tajuk dan juga masa penyampaian ceramah Kursus Pra-Perkahwinan Islam berdasarkan MBKPI ini. Berdasarkan kepada manual MBKPI yang diperolehi daripada JAKIM, dapat disimpulkan bahawa tajuk-tajuk yang terdapat di dalam modul ini adalah lengkap dan menyeluruh bermula dari penerangan mengenai agama dan juga beberapa aspek lain dalam agama seperti aqidah, syariah dan juga akhlak. Topik-topik ini dibincangkan di bawah modul pertama yang bertajuk "Tasawwur Islam". Penerangan seterusnya berkaitan dengan hukum hakam dalam perkahwinan (Modul 2) dan juga prosedur perkahwinan di Malaysia (Modul 3) yang tertakluk kepada Undang-Undang Keluarga Islam mengikut negeri-negeri di Malaysia.

Topik seterusnya yang akan disampaikan oleh penceramah adalah mengenai tanggungjawab suami dan isteri di dalam perkahwinan (Modul 4), dan juga cara untuk suami dan isteri *bermuamalah* sesama mereka melalui penyampaian tajuk "komunikasi suami isteri" di dalam Modul 5. Umum mengetahui bahawa alam rumahtangga akan diuji dengan masalah kewangan dan ekonomi. Dalam tajuk ke-6 daripada MBKPI ini, topik pengurusan kewangan pula akan disampaikan kepada peserta sebagai persediaan untuk menyusun dan membuat perancangan kewangan selepas perkahwinan. Bagi topik pengurusan kewangan, slot ini akan disampaikan oleh mereka yang berkelayakan dan bertauliah di dalam bidang tersebut, begitu juga bagi topik yang ketujuh di dalam MBKPI, iaitu topik pengurusan kesihatan keluarga yang akan disampaikan oleh pegawai kesihatan yang bertauliah (Nasikah, 2024). Di bawah topik ini, masa yang diperuntukkan adalah sebanyak 120 minit, iaitu selama 2 jam. Modul



yang seterusnya iaitu modul ke-8 daripada MBKPI adalah berkenaan dengan pengurusan stress dan konflik di dalam perkahwinan.

Selepas perbincangan mengenai pengurusan konflik dalam rumahtangga, perbincangan seterusnya adalah mengenai pembubaran perkahwinan (Modul 9) dan topik yang terakhir adalah mengenai majlis akad nikah dan walimatulurus (Modul 10). Sekiranya diteliti, tajuk-tajuk yang terdapat di dalam modul ini adalah sangat lengkap dimulai dengan penerangan mengenai agama Islam, hukum hakam perkahwinan dan diakhiri dengan cara pembubaran perkahwinan. Ini jelas menunjukkan bahawa modul yang dibina ini adalah bertujuan sebagai panduan kepada bakal pengantin dalam menguruskan kehidupan selepas perkahwinan mengikut aturan agama.

Berdasarkan kepada tajuk-tajuk yang disenaraikan, terdapat dua tajuk yang memberi penekanan terhadap aspek *Hifz al-Nafs*, iaitu tajuk pengurusan kesihatan keluarga dan juga pengurusan stress dan konflik di dalam rumahtangga. *Hifz al-nafs* merupakan salah satu daripada lima aspek *kulliyat al-khoms* (*Al-Raisuniy, 1995*). Para Fuqaha bersependapat bahawa terdapat lima aspek yang dipelihara oleh syarak di dalam setiap pensyariatannya, iaitu aspek penjagaan agama (*hifz ad-din*), penjagaan nyawa (*hifz an-nafs*), penjagaan akal (*hifz al-aql*), penjagaan keturunan (*hifz an-nasl*) dan akhir sekali adalah penjagaan terhadap harta (*hifz al-mal*) (*Ali Jumu'ah, 2013*).

Berdasarkan kepada manual MBKPI yang digubal oleh JAKIM, di bawah topik pengurusan kesihatan keluarga, terdapat beberapa sub-topik yang berkaitan dengan kesihatan dibincangkan dengan baik. Antaranya ialah perbincangan mengenai perancangan keluarga dan juga kehamilan. Di bawah sub-topik ini, dibincangkan mengenai kepentingan merancang keluarga adalah demi mengurangkan kadar kematian ibu dan anak di samping dapat menjamin kesihatan kedua-duanya. Terdapat juga penerangan mengenai cara merancang kehamilan dari perspektif perubatan dan hukum merancang kehamilan. Selain itu, di bawah sub-topik kehamilan turut dibincangkan mengenai umur yang sesuai dan selamat untuk melalui proses kehamilan dan risiko-risiko kehamilan dan kelahiran pada peringkat umur yang tertentu. Berdasarkan kepada manual ini, dapat disimpulkan bahawa perbincangan di bawah sub-topik perancangan keluarga dan kehamilan adalah bertepatan dengan aspek penjagaan kepada nyawa, iaitu *hifz al-nafs*.

Di dalam tajuk yang seterusnya iaitu tajuk pengurusan stress dan konflik, perbincangan dimulakan dengan penerangan perbezaan di antara stress dan konflik, seterusnya perbincangan yang lebih mendalam mengenai konflik di dalam rumahtangga termasuklah perbincangan mengenai nusyuz, syiqaq dan juga darar. Di bawah sub-topik yang sama, seterusnya dibincangkan mengenai jalan keluar kepada masalah nusyuz, syiqaq dan juga darar. Bagi masalah darar yang kebanyakannya adalah melibatkan keganasan fizikal, mental dan emosi oleh suami kepada isteri, maka turut diperincikan cara untuk menyelesaikan masalah ini langkah demi langkah bermula dengan mendapatkan rawatan dan laporan daripada klinik ataupun hospital, seterusnya membuat laporan polis dan merujuk kepada agensi yang berkaitan untuk mendapatkan pertolongan dan jalan keluar bagi masalah keganasan rumahtangga.



Perincian yang diberikan di bawah topik pengurusan stress dan konflik adalah sangat bertepatan dengan konsep *Hifz Nafs*, kerana selain membincangkan mengenai kemungkinan-kemungkinan kemudaratan yang akan berlaku dalam rumahtangga, turut dibincangkan juga jalan keluar bagi masalah yang berlaku. Jalan keluar bagi masalah yang dinyatakan itu adalah sebagai salah satu cara bagi memelihara nyawa dan keselamatan diri apabila menghadapi konflik.

Analisis Kesesuaian Kandungan Modul Kursus Pra-Perkahwinan Islam Bagi Pemohon Perkahwinan Bawah Umur

Berdasarkan kepada analisis kandungan MBKPI, terdapat aspek *Hifz al-Nafs* dalam kandungan modul tersebut, terutamanya di dalam topik pengurusan kesihatan keluarga dan juga pengurusan stress dan konflik. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan kebanyakannya membincangkan mengenai kesan negatif perkahwinan terhadap kanak-kanak, antaranya ialah mereka yang berkahwin pada usia yang muda berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan rumah tangga, selain menghadapi proses kehamilan dan kelahiran yang boleh membahayakan nyawa kanak-kanak yang terlibat.

Di dalam Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam yang sedia ada, telah dibincangkan mengenai langkah-langkah dalam menghadapi masalah keganasan rumahtangga dan juga pendidikan kesihatan terutamanya mengenai merancang kehamilan dengan selamat. Kedua-dua topik yang dibincangkan ini hakikatnya adalah sangat bertepatan dan membantu kanak-kanak dalam menghadapi kemungkinan kemudaratan yang akan berlaku di dalam rumahtangga. Namun begitu, modul ini bersifat umum dan terbuka kepada semua. Walaupun isi kandungannya adalah menepati aspek *Hifz Nafs*, namun timbul persoalan adakah kursus yang disampaikan mampu memberi kefahaman kepada kanak-kanak mengenai realiti perkahwinan dan langkah-langkah yang harus di ambil oleh mereka ketika menghadapi situasi tersebut. Tambahan pula, kursus ini adalah terbuka dan tidak khusus kepada pemohon perkahwinan bawah umur semata-mata. Penulis berpendapat bahawa, bagi pemohon perkahwinan bawah umur yang terdiri daripada kanak-kanak, adalah lebih baik sekiranya sesi kursus pra-perkahwinan tersebut adalah khusus untuk mereka sahaja. Ini kerana, apabila penceramah mengetahui bahawa audiens mereka adalah terdiri daripada kanak-kanak, maka penyampaian ceramah akan lebih terperinci dan mendalam mengenai masalah-masalah yang berlaku dalam perkahwinan kanak-kanak.

Selain itu, di bawah sub-topik cara penyelesaian keganasan rumahtangga, sekiranya kursus ini diadakan dengan kumpulan sasarannya adalah kanak-kanak semata-mata, maka antara cadangan langkah penyelesaian yang akan dicadangkan adalah dengan meminta bantuan ahli keluarga yang terdekat dan dipercayai. Ini kerana, secara logiknya, kanak-kanak yang menghadapi masalah keganasan rumahtangga akan berasa panik dan takut untuk ke hospital bagi mendapatkan rawatan dan membuat laporan polis. Oleh itu, dengan mendapatkan bantuan dan sokongan orang dewasa yang lain, proses untuk mendapatkan jalan keluar daripada masalah ini akan



lebih mudah dan terurus. Begitu juga bagi sub-topik perancangan keluarga, cadangan yang terdapat di dalam modul ini adalah bersifat umum. Bagi pemohon perkahwinan bawah umur, adalah lebih sekiranya topik perancangan keluarga disesuaikan dengan umur kanak-kanak tersebut seperti dicadangkan agar perancangan keluarga ini diteruskan sehingga mereka telah melepasi umur kanak-kanak dan bersedia dari segi mental, fizikal dan emosi untuk menggalas tanggungjawab sebagai ibu dan bapa.

Kesimpulannya di sini, berdasarkan kepada kandungan Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang sedia ada, tidak dinafikan bahawa kandungan yang digubal menepati aspek *hifz al-nafs*. Namun begitu, penulis secara peribadi merasakan adalah lebih baik bagi pemohon perkahwinan bawah umur yang terdiri daripada kanak-kanak mengikuti kursus pra-perkahwinan yang diadakan khusus untuk mereka agar mereka mengetahui akan kemudaratan-kemudaratan yang berkemungkinan berlaku dalam perkahwinan. Sekiranya kursus ini dijalankan dengan berfokus kepada kumpulan sasar tertentu seperti pemohon perkahwinan bawah umur, maka penyampaian penceramah akan lebih berfokus dan bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam perkahwinan bawah umur.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan di atas, dapat difahami bahawa perkahwinan bawah umur boleh mendatangkan kemudaratan kepada kanak-kanak. Walaupun pelbagai cara telah diambil bagi membanteras perkahwinan ini secara mutlak, namun secara realitinya sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, dengan menggunakan tujuan yang sama iaitu menolak kemudaratan daripada menimpa kanak-kanak yang ingin berkahwin, adalah dicadangkan agar diberi pendidikan kepada masyarakat mengenai kemudaratan perkahwinan bawah umur dan cara untuk menangani masalah tersebut. Disebabkan Kursus Pra-Perkahwinan Islam adalah satu kursus yang diwajibkan kepada semua pasangan Muslim yang ingin berkahwin tanpa mengira latar belakang dan umur, maka timbulnya persoalan terhadap kesesuaian Kursus Pra-Perkahwinan tersebut kepada kanak-kanak dalam memberi pendedahan kepada mereka mengenai kemudaratan perkahwinan kepada kanak-kanak. Berdasarkan tinjauan awal kepada Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang sedia ada, penulis menyimpulkan bahawa kandungan modul ini menepati aspek *hifz al-nafs* namun begitu keberkesanan kursus ini kepada kanak-kanak adalah menjadi persoalan memandangkan kursus ini adalah bersifat umum. Oleh itu perlunya satu kajian lanjutan mengenai keberkesanan Kursus Pra-Perkahwinan Islam terhadap kanak-kanak dan pelaksanaan kursus tersebut bagi pemohon perkahwinan bawah umur.

PENGHARGAAN/ACKNOWLEDGEMENT

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia di bawah tajuk "Analisis Aspek Penjagaan *Kulliyat Al-Khoms* Dalam Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan



Islam Terhadap Pemohon Perkahwinan Bawah Umur Di Malaysia". Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kerana tajaan dan pembiayaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- A. M. Sultana, Md. Abdus Salam. (2017). A Study on Impact of Early Marriage on Women Health in Bangladesh. *Journal of Advanced Research in Business, Marketing, And Supply Chain Management*. 1.1., 54-60.
- 'Abd Allāh Aḥmad Muḥammad Qudāmah al-Maqḍisiy. (1968). *Al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah.
- Abdul Ghani, N., Salleh, M., & Raja Abdul Aziz, T. (2021). Kepentingan Tajuk Perancangan Harta dalam Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(2), 67-77. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/14533>
- Abū al-'Abbās al-Mālikiy al-Ṣāwiy. t.th. *Bulghah Al-Sālik Li Aqrab Al-Masālik Al-Ma'rūf Bi Ḥāshiyah Al-Ṣāwī 'alā Al-Sharḥ Al-Kabīr*. Dār al-Ma'ārif.
- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash'ath, *Sunan Abū Dawūd*.
- Abū Dawūd Sulaymān Al-Ash'ath. (2009). *Sunan Abū Dawūd*. Edited by Shu'aib Al-Arnaūṭ. Beirut: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah.
- Abū Ḥayyān Muḥammad bin Yūsuf bin Ḥayyān Athīr al-Dīn al-Andalusiy. *Al-Baḥr Al-Muḥīṭ Fī Al-Tafsīr*. Edited by Ṣidqiy Muḥammad Jamīl. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr, n.d.
- Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jurayr al-Ṭabariy. (1988). *Jāmi' Al-Bayān 'an Al-Ta'wīl Ayāh Al-Qurān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Abū Muḥammad 'Aliyy Aḥmad Ibn Hazm, *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr,
- 'Alā' al-Dīn, Al-Kāsāniy Al-Ḥanafiy. (1986). *Badāi' Al-Ṣanāi' Fī Tartīb Al-Sharāi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhāriy, Muḥammad bin Ismā'il. (n.d). *Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'Alayh Wa Sallam Wa Sunanih Wa Ayyāmih*. Edited by Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir Al-Nāṣir. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Dīn. (2001). *Siar A'lām Al-Nubalā'*. Muassasah al-Risālah.
- Al-Nawawiy, Yaḥyā Sharaf Abū Zakariyyā. (1996). *Sharḥ Al-Nawawiy 'alā Muslim*. Dār al-Khayr.



- Al-Naysābūriy, Muḥammad bin Ibrāhīm al-Mundhir. (2004). *Al-Ijmā'*. Edited by Fu'ād 'Abd al-Mun'im Aḥmad. Dār al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Sarakhsiy, Muḥammad bin Aḥmad Shams al-A'immah. (1993). *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Sharbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. (1994). *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz Al-Minhāj*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Al-Ṭabariy, Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jurayr. (1988). *Jāmi' Al-Bayān 'an Al-Ta'Wīl Ayāh Al-Qurān*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Alvan Fathoni, (2017). Perkawinan Anak di Bawah Umur dalam Perspektif Hukum Islam dan Sosiologi Hukum. *al-Turas Jurnal Studi Keislaman*, 69.
- Al-Zuhayliy, Wahbah. (2008) . *Al-Fiqh Al-Islāmiy Wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Eucharía Nchedo Aye, Amuda Robinson, Celestine Okwudili Eze, Ngozi Eucharía Eze, Theresa Olunwa Oforka .(2018). Impact of Child Marriage on Health of Adolescent Girls in Kaduna State, Nigeria, *International Journal of Applied Engineering Research* 13.23 16152-16161.
- Flavia Ary Sahwa & Tharshini Sivabalan. (2023). Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002279. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2279>
- Hazram, N. A. (2024). Analisis Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia dari Perspektif Syariah: [An analysis of Child Marriage from Syariah Perspective]. *Ulum Islamiyyah*, 36(02), 139–151. <https://doi.org/10.33102/uj.vol36no02.557>.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn 'Umar. (1992). *Radd Al-Muḥtār 'Alā Al-Durr Al-Mukhtār*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad 'Aliyy Aḥmad. (n.d). *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Kohn, A., Dahlui, M., Nik Farid, N.D. Safii, R., Nakayama, T. Why girls get married early in Sarawak, Malaysia - an exploratory qualitative study. *BMC Women's Health* 20 (2020), 46.
- Muḥammad Rawās Qal'ajī, Hāmid Ṣādiq Qunaybī. (1998). *Mu'Jam Lughah Al-Fuqahā'*. Dār al-Nafāis li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Noor Aziah Mohd Awal, Mohd Al Adib Samsuri, (2018). Child Marriage in Malaysia (Working Paper).



- Nor Jana Saim, Suini anak Lejem, Fatimah Abdullah & Noremy Md Akhir. (2018). Perkahwinan Remaja: Satu Kajian Di Kuching, Sarawak, *Jurnal Psikologi Malaysia* 32, no. 3: 47–61.
- Nour, Nawal M. (2006). Health Consequences Of Child Marriage In Africa, *Emerging Infectious Diseases* 12.11, 1645.
- Nur Syamila Kamarul Arefin, Mundur Punca Kahwin Bawah Umur Tinggi Di Sabah, Sarawak, Laman sesawang Free Malaysia Today, diakses 7 Ogos 2020, [https://www.freemalaysiatoday.com /category/bahasa/2018/08/01/mundur-punca-kahwin-bawah-umur-tinggi-di-sabah-sarawak/](https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/01/mundur-punca-kahwin-bawah-umur-tinggi-di-sabah-sarawak/)
- Nurul Ain & Raihanah (2021). Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid al-Sharī'ah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, (2021) Vol. 6(2): 32-42.
- Rachel Kidman. (2017). Child Marriage And Intimate Partner Violence: A Comparative Study of 34 Countries. *International Journal of Epidemiology*, 1; 46 (2), 662-675.
- Rasyid, A., & Siregar, S. (2022). Fenomena Menarik Perkawinan Dibawah Umur Menjadi Trend Masa Kini di Bittuju Tapanuli Selatan. *AL-MANHAJ: Jurnal Hukum Dan Pranata Sosial Islam*, 4(1), 61-68.
- Shibīr, Muḥammad 'Uthmān. (2007). *Al-Mu'āmalāt Al-Māliyyah Al-Mu'āṣirah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Stein, J. S. (2013). Early to Wed: Teenage Marriage in Post-War America, *The Journal of the History of Childhood and Youth*, Vol 6, No. 2, 359-382.
- Stein, J. S., (2013). Early to Wed: Teenage marriage in post-war America. *The Journal of the History of Childhood and Youth*, 6(2).
- Zanariah Noor. (2013). Perkahwinan Kanak-Kanak Dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam. *Jurnal Syariah* Vol. 21, No. 2, 165-190.